



Hargai dan penuhi amanah negara

Saodah Abd. Rahman



KEBANYAKAN individu yang memiliki ilmu pengetahuan tinggi adalah terdiri daripada golongan yang diasuh oleh sistem pendidikan dalam negara dan mendapat biasiswa dan kewangan daripada kerajaan. GAMBAR HIASAN/UTUSAN

04 Ogos 2017 12:00 PM

< 1

RAKYAT Malaysia yang mendapat keistimewaan daripada kerajaan sama ada menerima bantuan dalam ilmu pengetahuan, latihan, kewangan atau pekerjaan sepatutnya menghargainya dengan cara menyumbangkan semula kepakaran yang diperoleh itu untuk pembangunan negara. Perkara ini sepatutnya dijadikan renungan dalam kalangan mereka yang mendapat keistimewaan tersebut.

Mereka yang digelar golongan profesional ini sewajarnya menunjukkan sikap yang lebih bertanggungjawab untuk membina dan membangunkan negara bukannya berhijrah ke negara lain untuk mendapat gaji lebih lumayan dan kemudiannya bebas bersuara di negara luar.

Penghijrahan golongan profesional (brain drain) selalunya hanya berlaku dalam kalangan rakyat di negara-negara miskin, mundur dan diperintah oleh sistem diktator yang meragut banyak nyawa. Adakah Malaysia tergolong dalam kategori negara seperti itu?

Umat Islam bebas untuk berhijrah dan menikmati keistimewaan di seluruh negara dalam dunia ini sama ada dalam bidang ilmu pengetahuan atau pekerjaan selama mana mereka tidak terikat dengan sumber kewangan negara atau biasiswa. Mereka juga bebas memilih sistem pendidikan mengikut perspektif pemikiran mereka berdasarkan kepada kemampuan kewangan yang dimiliki.

Di Malaysia, pelbagai institusi pendidikan ditubuhkan oleh kerajaan atau swasta yang mana rakyat dalam negara ini bebas untuk memilih institusi yang diidamkan. Oleh itu, rakyat Malaysia mempunyai pelbagai corak pemikiran dan perspektif dalam kehidupan mereka sama ada berbentuk moderate, liberal, fanatic dan konservatif.

Tuduhan yang mengatakan bahawa sistem pendidikan negara ini menghasilkan generasi yang pasif dan tidak mempunyai keupayaan berfikir secara universal, moderate dan proaktif adalah bertentangan dengan realiti masyarakat dalam negara ini.

Pun begitu individu-individu yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dan memiliki status golongan pertengahan sepatutnya merenung dan mengimbas kembali latar belakang kehidupan mereka sejak menuntut ilmu di peringkat rendah persekolahan sehingga ke menara gading. Kebanyakan mereka adalah terdiri daripada mereka yang diasuh oleh sistem pendidikan negara dan mendapat pembiayaan biasiswa dan kewangan dari kerajaan.

Keintelektualan dan kehebatan mereka adalah hasil daripada sumber kewangan negara yang membolehkan mereka menerajui dunia dan meninjau kehebatan negara-negara maju dalam pelbagai aspek kehidupan.

Pengalaman dan pengetahuan begini sepatutnya dijadikan sebagai model untuk diperkembangkan dalam negara bagi menghasilkan generasi yang setanding kehebatannya dengan rakyat negara maju bukan menggalakkan golongan bijak pandai berhijrah ke negara maju.

Objektif menuntut ilmu sepatutnya difahami secara jelas supaya corak pemikiran para intelek atau ilmuwan bertepatan dengan konsep menuntut ilmu dalam Islam. Ilmu yang dimiliki adalah amanah Allah untuk disampaikan kepada masyarakat.

Jika individu tersebut mendapat keistimewaan daripada kerajaan dalam hal ehwal kewangan ketika menuntut ilmu pengetahuan maka amanahnya terhadap masyarakat dan negara adalah lebih berat berbanding individu yang menggunakan sumber kewangan sendiri.

Oleh itu, berhijrah ke negara lain sebelum menunaikan amanah kepada negara mengikut perjanjiannya dengan kerajaan adalah berdosa dalam perspektif Islam.

Saranan supaya golongan profesional berhijrah ke negara lain untuk mendapat gaji yang lumayan perlu dilihat dalam perspektif yang lebih luas kerana setiap individu yang berkhidmat dengan kerajaan terikat kepada hukum hakam berkaitan tanggungjawab berbentuk fardu ain dan fardu kifayah.

Mendidik dan memberi pelajaran kepada rakyat supaya dapat menghasilkan golongan profesional dalam pelbagai bidang untuk memajukan negara adalah fardu kifayah kepada keseluruhan umat Islam.

Fardu kifayah ini telah dilaksanakan oleh kerajaan dengan menyediakan institusi pendidikan dalam pelbagai bidang profesional dan sebagainya.

Imam al-Ghazali dalam bukunya Ihya Ulumuddin menyatakan perkara ini seperti berikut: "Ilmu fardu kifayah, ialah tiap-tiap ilmu yang tidak dapat diketepikan dalam menegakkan urusan dunia, seperti mana ilmu kedoktoran kerana ia amat penting untuk pemeliharaan tubuh manusia. Begitu juga ilmu berhitung (matematik) kerana ia amat penting dalam masyarakat untuk urusan jual beli, pembahagian harta wasiat, pusaka dan lain-lainnya. Inilah ilmu-ilmu, jika lau kosonglah negeri daripada orang yang menegakkannya, nescaya berdosalah penduduk negeri itu. Tetapi apabila ada seorang sahaja yang bangun menegakkan ilmu itu, maka mencukupilah dan terlepaslah yang lain dari kewajipan tersebut".

Setiap individu yang mendapat pembiayaan kewangan daripada kerajaan wajib menunaikan amanah mereka kepada kerajaan dan negara sebelum tamat tempoh perjanjian dengan kerajaan. Selama mana mereka masih terikat dengan perjanjian kontrak dengan kerajaan maka tugas mereka itu dianggap sebagai fardu ain kepada mereka yang wajib ditunaikan. Perkara seperti ini kurang disedari oleh kebanyakan umat Islam.

Individu-individu yang menunaikan amanah kerajaan mungkin memperoleh gaji yang rendah jika dibandingkan dengan sektor swasta tetapi mereka wajib menunaikannya kerana ketika menuntut ilmu dahulu mereka menggunakan sumber kewangan atau biasiswa daripada kerajaan.

Bagi individu yang tidak terikat dengan pemberian biasiswa atau kewangan dari kerajaan maka mereka bebas untuk meneruskan atau menamatkan perkhidmatan dengan kerajaan jika gaji yang diperoleh itu tidak lumayan.

Berdasarkan kepada penjelasan tersebut maka fahamilah bahawa individu-individu yang mendapat sumber kewangan daripada kerajaan atau biasiswa ketika menuntut ilmu adalah terikat dengan hukum hakam Allah. Usah terlalu ghairah untuk mendapat gaji yang lumayan sehingga sanggup mengabaikan amanah yang diwajibkan oleh kerajaan dan negara. Takutilah Allah dalam urusan ini.

PROFESOR MADYA DR. SAODAH ABD. RAHMAN dari Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Tag Berkaitan

[Masyarakat](#) [Pendapat](#)

ARTIKEL BERKAITAN

Kopi Panas /

ECRL dan nostalgia kereta api Bukit Besi
Rozaman Ismail

Sukan SEA 2017 /

Kibaran 111 kali
Muhammad Syukri Ibrahim

Diceraikan kerana gangguan tangan halus

Seleksi warna trendy

Resam /

Saman biar adil...

APABILA MASJID AL-AQSA DICEROBOH



VIDEO TERKINI



ECRL Pantas, selesa dan berkelas dunia



Adnan Hassan kongsi ilmu rekaan fesyen



Kapsul Berita 14 Ogos 2017

Yang begini ini ni - Ammy Farra versi Unplugged

Salimey, Ammy Farra dan Sherrie Al-Junied 'wakil' generasi, negara

Kapsul Berita 11 Ogos 2017



VIDEO PILIHAN



Kuala Lumpur
@KL2017

Kuala Lumpur
@KL2017

Catch the #KL2017 Torch Run in W. P. Kuala Lumpur here:
[#RisingTogether](https://t.co/QkNEhg8ITS)
[#BangkitBersama](https://t.co/8yCReXlccR)



Kuala Lumpur
@KL2017

#RisingTogether with the #KL2017 Torch Run in Putrajaya. Full video:
[#RisingTogether](https://t.co/8yCReXlccR)
[#BangkitBersama](https://t.co/8yCReXlccR)



LIVE T
CAMBODIA (CAM)

MEN'S TEAM GROUP B | SELAYA

Kuala Lum
@KL2017



ARTIKEL LAIN



Saya tak mahu jadi ahli politik - Wahid



Banjir: Ratusan penduduk, sebuah sekolah, dua daerah di Kedah terjejas



Laluan alternatif Jalan Bangi Lama siap 80 peratus



Sukan SEA 2017 / Bola jaring Malaysia terus cemerlang



Beg jelikkan PM: Polis siasat di bawah Akta Hasutan

Sukan SEA 2017 / Polo air wanita: Thailand 'belasah' Malaysia

55,000 Jalur Gemilang diagihkan kepada orang ramai

Perspektif / Pemasaran digital: Lebih mudah lebih berkesan

Iklan



Berita	Rencana	Wilayah	Hiburan	Sukan	Bisnes	Pendidikan	Video
Terkini	Utama	Johor	Berita	Bola Sepak	Ekonomi	Umum	Terkini
Berita Utama	Bisik-bisik	Kedah	Selebriti	Badminton	Korporat	Sekolah	Isu Semasa
Utusan Live	Cuit	Kelantan	Muzik	Lumba Kereta	Usahawan	Kampus	Bisnes
Nasional	Selak	KL & Putrajaya	Filem & Drama	Lumba Motorsikal	Automotif	Sastrawati	Pemotoran
Politik	Kolumnis	Melaka	Rancangan TV	Basikal	Hartanah	Agama	Gaya Hidup
Parlimen	Forum	Negeri Sembilan	Seni & Budaya	Golf	Teknologi		Hiburan
Jenayah	Agama	Pahang		Hoki	Saham & Wang	Sains & Teknologi	Agama
Mahkamah	Blog	Perak	Gaya Hidup	Iain-Lain			Politik
	Sukan	Perlis	Rekreasi	Rencana Sukan		Sains	
Luar Negara		Pulau Pinang	Permotoran			Teknologi	
Asean		Sabah	Pelancongan			Inovasi	
		Sarawak	Keluarga			Gedjet	
		Selangor	Kesihatan			Pertanian	
		Terengganu	Fesyen			Alam Sekitar	

Kumpulan Utusan

Kumpulan Utusan | Kosmo! | Tutor | Saji Online | disini.my | MyBooks | Job House | Utusan Karya

Jom Iklan | Mengenai Kami | Tarma & Syarat Policy

WWW.UTUSAN.COM.MY © 1997-2017 UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

No. 44, Jalan Utusan, Off Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur.